

SPRM tawar kursus ilmu cegah rasuah

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia membangunkan program pengajian berakreditasi iaitu *Certificate In Basic Law Enforcement* untuk ditawarkan kepada semua agensi penguat kuasa selain SPRM.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, program pengajian 60 jam kredit atau bersamaan 2,400 jam pembelajaran itu sebagai latihan asas kepada pegawai lantikan baharu untuk mengenal pasti kegiatan rasuah dan langkah

pengecahan.

"Tempoh pembelajaran selama tiga bulan secara bersemuka di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan secara dalam talian," katanya pada majlis konvokesyen *Malaysian Anti Corruption Commission Law Enforcement Accredited Programme 2022* di sini, semalam.

Majlis konvokesyen itu kali pertama diadakan dengan kerjasama Nottingham Trent University (NTU) United Kingdom membabitkan 266 graduan dalam kalangan pegawai pelbagai jawatan di SPRM.